

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK HAJI MD YAHAYA BASIMIN
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
SARAWAK 2011**

TARIKH:

30 NOVEMBER 2011 BERSAMAAN 4 MUHARRAM 1433H

TEMPAT:

BORNEO CONVENTION CENTRE KUCHING

TEMA:

CREATE AND INNOVATE: MAKE A DIFFERENCE

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Yang Dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak;

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar;

Yang Berhormat Menteri-Menteri;

Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak;

Dif-dif kenamaan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya maka dapat kita bersama- sama berkumpul dalam Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2011 pada petang yang indah lagi berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak semua anggota Perkhidmatan Awam di negeri Sarawak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak yang kita sanjungi, kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada petang ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan anggota pentadbiran merupakan satu penghormatan dan penghargaan kepada seluruh warga perkhidmatan awam.

3. Rakyat Sarawak amat bertuah kerana mempunyai seorang Ketua Menteri yang dianggap sebagai ***the architect of modern Sarawak*** serta mempunyai visi yang jelas dan berpandangan jauh untuk membangunkan negeri Sarawak secara holistik. Di bawah kepimpinan Pehin Sri, Sarawak telah dapat membangun dengan pesat menjadi sebuah negeri maju di mana pendapatan rakyat semakin meningkat dan dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik berbanding dengan sebelum ini. Ini semua dapat dicapai melalui gandingan dan usahasama yang berkesan antara anggota pentadbiran dan seluruh perkhidmatan awam di mana segala dasar dan perancangan yang telah digubal dapat dilaksanakan dengan sempurna yang akhirnya memberi manfaat kepada semua golongan rakyat.

4. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua penjawat awam di Sarawak yang telah memberi sumbangan berkualiti dan komitmen yang tinggi di mana tanpa usaha yang gigih dan berterusan negeri Sarawak tidak mungkin mencapai tahap kemajuan sepertimana yang kita nikmati pada hari ini.

Yang Amat Berhormat Pehin Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Bersempena dengan tema kita pada hari ini iaitu ***Create and Innovate: Make a Difference***, ia menunjukkan bahawa untuk perkhidmatan awam terus relevan ia perlu membudayakan aspek inovasi dan kreativiti di dalam urusan harian mereka. Ia perlu mempunyai tenaga kerja yang dapat mencetuskan idea dan aktiviti baru yang boleh menambahbaik lagi sistem penyampaian serta mempermudah proses kerja yang sedia ada. Semua ini perlulah disebar dan diterapkan kepada seluruh anggota perkhidmatan awam. Di samping itu, kita juga perlu responsif kepada semua tuntutan semasa supaya dapat membantu mencapai matlamat dan dasar kerajaan seperti dalam bidang pelaburan, mentransformasikan pembangunan luar bandar, menguruskan sumber asli negara yang mapan serta mempertingkatkan kesejahteraan serta kemakmuran rakyat.

6. Dalam pembentangan Bajet 2012, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak telah menggariskan lima fokus utama termasuk mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi. Sehubungan itu, Perdana Menteri telah mengumumkan 2012 sebagai **Tahun Gerakan Inovasi Nasional**. Untuk menjayakan gerakan tersebut, diharapkan semua jabatan dan agensi kerajaan memberi penekanan kepada sikap ***winning edge*** yang sentiasa ingin ke hadapan dalam memberi perkhidmatan kerana kita yakin ***small differences in ability or in making change can lead to enormous differences in results***. Kita juga mesti bersedia untuk berfikir secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan anjakan berganda (*quantum leap*) dalam perkhidmatan, di mana bersesuaian.

Yang Amat Berhormat Pehin Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Penyampaian perkhidmatan kerajaan kini semakin baik. Ini turut didorong oleh peningkatan perkhidmatan sektor swasta dan juga peningkatan ranking perkhidmatan awam negara di peringkat antarabangsa serta kedudukan demografi masyarakat yang semakin berubah.
8. Kita perlu faham bahawa perbezaan yang ketara antara sektor awam dan swasta ialah setor awam tidak boleh memilih siapakah pelanggan kita begitu juga sebaliknya orang ramai tidak mempunyai pilihan selain mendapat perkhidmatan yang mereka perlukan daripada jabatan-

jabatan kerajaan. Justeru, saya menyeru semua penjawat awam untuk menjadikan budaya “berfikir di luar kebiasaan” sebagai suatu amalan dan berusaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan melalui suntikan inovasi supaya rakyat memperoleh perkhidmatan terbaik, cekap dan pantas.

9. Di peringkat negeri Sarawak, pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan. Pengeluaran passport dan Mykad kini boleh disiapkan dalam tempoh satu jam. Begitu juga dengan sistem e-Hasil yang menggabungkan beberapa aplikasi secara **online**.
10. **Kolaborasi positif** antara Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia melalui konsep ***the whole of government approach*** telah menjimatkan kos dan meningkatkan keberkesanan dasar kerajaan melalui perkongsian maklumat, sumber, teknologi dan amalan terbaik.
11. Tonggak kekuatan organisasi adalah terletak kepada ***structural capital*** masing-masing, yang merupakan gabungan tiga komponen: proses, sistem dan prosedur kerja. Jabatan yang telah saya sebut sebentar tadi adalah antara beberapa contoh agensi yang telah melakukan inovasi dalam ***structural capital*** mereka. Hasilnya, pelanggan kepada jabatan berkenaan telah menikmati perkhidmatan yang jauh lebih memuaskan.

12. Seringkali penyampaian perkhidmatan kita dikritik akibat kegagalan memenuhi ekspektasi pelanggan walaupun kita telah melaksanakan pelbagai program dan usaha pembaharuan. Namun persoalannya adakah kita menilai balik keberkesanan sistem penyampaian kita dan adakah ia sejajar dengan perubahan masa dan kehendak pelanggan? Oleh itu saya menyarankan supaya semua Ketua jabatan memastikan semua anggota terus komited dan terlibat dalam usaha penambahbaikan dan memberi pengiktirafan kepada sumbangan mereka. Hubungan antara kakitangan perlu dibina atas dasar persefahaman dan kepercayaan supaya mereka mempunyai **sense of belonging** terhadap usaha yang dijalankan. Kita juga menggalakkan kakitangan awam agar proaktif dalam menyertai sebarang aktiviti berpusatkan kepada inovasi dan kreativiti. Dalam hal ini, kerajaan Sebagai penjawat awam kita perlu melengkapkan diri masing-masing dengan pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan selaras dengan pelaksanaan Perkhidmatan Awam yang Kejat yang berasaskan kepada **multitasking** and **multiskilling**. Pendekatan ini adalah selaras dengan kehendak kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai yang diperlukan bagi memacu Negara ke arah Negara maju menjelang tahun 2020 dan tahun-tahun berikutnya. Kalau dilihat di dalam konteks negeri Sarawak, ia sangat signifikan kerana kerjasama dan perkongsian pintar yang wujud di antara sektor awam dan swasta akan mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan dapat memenuhi

keperluan sektor perindustrian di negeri Sarawak terutamanya di pusat pertumbuhan SCORE.

13. Saya berpendapat inovasi yang berjaya perlu bermula dengan transformasi di peringkat pengurusan tertinggi jabatan. Ini kerana penglibatan mereka akan memberikan suntikan semangat dan sebagai tanda komitmen jitu dalam menjayakan aspirasi jabatan. Memang tiada jalan pintas dalam menghasilkan inovasi tetapi melalui proses *trial and error* akan membentuk inovasi yang lebih kukuh dan mantap dalam persekitaran yang kondusif. Dengan menginstitusikan nilai-nilai kreativiti, inovasi dan berkerja dalam pasukan, agensi Kerajaan telah dapat mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai. Di samping itu, penjimatan kos operasi juga dapat dirasai. Malahan kebanyakan agensi Kerajaan telah mengambil daya inisiatif mereka untuk mewujudkan program tersendiri bagi menyemai dan menyuburkan budaya inovasi di kalangan anggota organisasinya. Dalam hal ini kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan penghargaan kepada mereka yang dapat menghasilkan idea inovasi yang berpotensi. **Perubahan adalah sesuatu yang sangat perlu dan ianya bukan lagi satu pilihan.**

14. Sekiranya ia terlaksana, saya yakin kita dapat melahirkan Ketua-ketua Jabatan yang kreatif, inovatif dan bersifat **outcome based** bagi membawa perkhidmatan awam ke peringkat lebih tinggi dan tidak lagi bersifat stereotaip dan tradisional. Ini penting bagi meyakinkan orang ramai bahawa perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan bersifat di luar jangkauan dan melebihi ekspektasi pelanggan. Sedemikian, program turun padang bagi mendekati masyarakat perlu dilaksanakan bagi membolehkan rakyat mengemukakan aduan, input, cadangan inovasi atau sebarang cadangan bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan. Kita juga menggalakkan kakitangan awam
15. Memetik kata-kata **Dr. Tapan Munroe**, seorang pakar ekonomi terkenal: **“Innovation increases productivity, and productivity increases the possibility of higher income, higher profits, new jobs, new products, and a prosperous economy”**. Ini bermaksud bahawa kuasa inovasi amatlah besar di mana ia bukan sahaja dapat memudahkan cara kerja sedia ada, malah ia juga menyumbang kepada kemajuan negara secara keseluruhannya. Beliau juga percaya bahawa **innovation needs to be our new mantra**. Selaras dengan maksud ini, kita dapat lihat kebanyakan negara maju telah pun berganjak daripada **ekonomi pengetahuan kepada ekonomi inovasi** bertujuan untuk terus kekal di hadapan dalam keluk persaingan global yang amat kompetitif. Dalam dunia **borderless** masa kini, kita tiada pilihan

kecuali menyusun strategi untuk terus bersaing dengan jayanya di arena antarabangsa. Budaya kreatif dan inovasi sesungguhnya amat penting untuk kita gunakan sebagai landasan untuk meningkatkan keyakinan pelanggan dan **stakeholders** bahawa Perkhidmatan Awam masih relevan dalam proses pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, kita wajar bersyukur kerana kerajaan akan memperkenalkan **SISTEM SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM (SBPA)** yang menjanjikan sistem saraan yang lebih baik kepada semua penjawat awam.

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang sudi hadir dan seterusnya menyampaikan amanat kepada kita. Nasihat, cadangan dan sokongan Yang Amat Berhormat amat bermakna dan sentiasa kami hargai bagi meningkatkan Perkhidmatan Awam di Sarawak ke satu tahap yang lebih cemerlang. **Yang berbeza itu tidak semestinya yang terbaik, tetapi yang terbaik itu semestinya berbeza.**
17. Kepada dif-dif kenamaan terima kasih diucapkan kerana memberi sokongan kepada kami semasa menjalankan tugas. Kepada rakan-rakan saya dalam perkhidmatan awam saya menyeru agar kita sama-sama bergerak sebagai satu pasukan berprestasi tinggi berteraskan

budaya professionalism dan berintegriti yang akan membawa kecemerlangan dalam perkhidmatan kita kepada rakyat. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur dan semua yang terlibat kerana dapat menjayakan Majlis Perhimpunan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Tahun 2011. Bagi pemenang anugerah saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualikum Warrahmatullahi Wabarakatuh Dan Selamat Sejahtera.